



KAWASAN RUKUN TETANGGA KRT KAMPUNG JERNANG BARU, SAMARAHAN

Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional
(Kementerian Perpaduan Negara)

RUJUKAN KAMI KRT/KGB/23(04)
TARIKH : 16 Mei 2023

Pegawai Perpaduan Bahagian Samarahan dan Serian
Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional Bahagian
Samarahan Dan Serian

Tuan,

PERMOHONAN KELULUSAN PERLAKSANAAN DAN PERUNTUKAN GERAN

Dengan segala hormatnya, merujuk kepada perkara tersebut di atas,

Kawasan Rukun Tetangga KRT Kampung Jernang Baru Samarahan ingin memohon geran bagi tujuan menghadiri MAJLIS PELANCARAN MINGGU PERPADUAN PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2023 seperti yang telah dipersetujui pada mesyuarat bil,3/2023 bertarikh 14 Mei 2023.

Sehubung dengan itu, pihak kami dengan rasa rendah hati ingin memohon kelulusan peruntukan geran iaitu sebanyak RM 300.00 (Ringgit Malaysia Tiga Ratus Sahaja), Bersama-sama ini dikepilkan bersama Lampiran B2, Kertas Kerja dan Minit Mesyuarat untuk tindakan lanjut pihak Tuan.

Segala kelulusan dan pertimbangan daripada pihak Tuan adalah amat dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

Yang Benar,

(THIAN NAI POH)

Pengerusi
Kawasan Rukun Tetangga
KRT Kampung Jernang Baru, Samarahan

BAHAGIAN A
(Untuk diisi oleh Jawatankuasa Rukun Tetangga)

Kepada,
Pengarah
Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Negeri
Sarawak

Melalui,
Pegawai Perpaduan Bahagian/Daerah Samarahan
dan Serian

PERMOHONAN PERUNTUKAN GERAN RUKUN TETANGGA

Perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa KRT KRT KAMPUNG JERNANG BARU, SAMARAHAN akan menghadiri Jemputan Majlis Pelancaran Sambutan Minggu Perpaduan Peringkat Kebangsaan Tahun 2023 dan permohonan kelulusan geran telah dibincangkan dan dipersetujui dalam mesyuarat KRT bertarikh 14 Mei 2023 / Perancangan Aktiviti Tahunan KRT, Bersama ini disertakan Kertas Kerja untuk rujukan dan tindakan tuan seterusnya.
3. Maklumat aktiviti adalah sepertimana berikut:

3.1	Tarikh	..21 Mei 2023
32	Tempat	.. Waterfront, Kuching
3.3	Jumlah dipohon (RM)	.. RM 300.00
3.4	Baki Akaun Bank	.. RM
4. Bersama ini disertakan kertas kerja untuk rujukan dan tindakan tuan seterusnya,

Sekian, terima kasih.

Yang Benar,

(THIAN NAI POH)

Pengerusi
Kawasan Rukun Tetangga
KRT Kampung Jernang Baru, Samarahan

BAHAGIAN B

(Untuk kegunaan Pejabat)

ULASAN PPD/PPB/PPP

Sokong / Tidak Sokong

Setelah meneliti kertas kerja, _____ Pihak pejabat menyokong pengeluaran peruntukan sebanyak _____ daripada akaun KRT sendiri bagi menampung kos perbelanjaan tersebut dimana program tersebut dapat mengaktifkan aktiviti di peringkat Kawasan Rukun Tetangga masing-masing.

Jumlah disokong RM

Tandatangan :
Nama :
Cop Jawatan :
Tarikh :

KELULUSAN PPN

Ulasan:

Jumlah diluluskan :

Tandatangan :
Nama :
Cop Jawatan :
Tarikh :



**KAWASAN RUKUN TETANGGA KRT KAMPUNG JERNANG BARU,
SAMARAHAN**

KERTAS CADANGAN

**JEMPUTAN MAJLIS PELANCARAN SAMBUTAN MINGGU
PERPADUAN PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2023**

Anjuran

KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

1. TUJUAN

Kertas Cadangan ini adalah untuk memohon pertimbangan bagi mendapatkan kelulusan dan peruntukan daripada Jawatankuasa Rukun Tetangga bagi menghadiri jemputan Majlis Pelancaran Sambutan Minggu Perpaduan Peringkat Kebangsaan Tahun 2023 pada 21 Mei 2023 (Ahad) bertempat di Waterfront, Kuching.

2. PENDAHULUAN

Kementerian Perpaduan Negara akan menganjurkan Majlis Pelancaran Sambutan Minggu Perpaduan Peringkat Kebangsaan Tahun 2023. Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Negeri Sarawak telah menjemput semua KRT bahagian Kuching, Samarahan dan Serian untuk turut serta dalam majlis tersebut.

3. TARIKH, MASA, TEMPAT DAN PESERTA PROGRAM

3.1 Tarikh 21.05.2023 (Ahad)

3.2 Masa 9.30 pagi

3.3 Tempat : Waterfront, Kuching

3.4 : Sasaran 1800 orang

3.5 Perasmi
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin A-Mustafa Billah Shah Ibni Almahum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah.

3.6 Peserta
4.1 Jiran Wanita
4.2 Jiran Muda
4.3 Jiran Warga Emas
4.4 Ahli-ahli RT

NAMA PESERTA

1. Thian Nak Poh
2. Kuan Yiew Jam
3. Chang Joh Nam
4. Chin Shin Fan
5. Peter Anak Owen
6. Pui Vui Siew

6. IMPLIKASI KEWANGAN

BIL,	PERKARA	HARGA	JUMLAH (RM)
1.	Kos kenderaan ke Majlis	RM 50.00 x 3 buah kereta	150.00
2.	Makanan dan minuman	RM25.00 x 6 pax	150.00
	JUMLAH (RM)		300,00

● PENUTUP

Semoga Majlis ini dapat dilaksanakan dengan sempurna dan mencapai objektif yang disasarkan. Harapan kami agar cadangan dan permohonan ini mendapat pertimbangan yang sewajarnya daripada pihak Jabatan Perpaduan Bahagian.

Disediakan oleh,

(STANLEY ANAK VINCENT)

Setiausaha

KRT Kampung Jernang Baru Samarahan

Tarikh .

Disahkan oleh,

(THIAN NAI POH)

Pengerusi

Kawasan Rukun Tetangga

KRT Kampung Jernang Baru, Samarahan

Tarikh .

MESYUARAT KAWASAN RUKUN TETANGGA KAMPUNG JERNANG BARU
MINIT MESYUARAT BIL.3/2023

Tarikh : 14 Mei 2023 (Ahad)

Masa : 7.00 malam

Tempat : Dewan Serbaguna Kampung Jernang Baru

1. PERUTUSAN Pengerusi

- 1.1 Pengerusi mengalu-alukan kehadiran semua AJKRT dan berterima kasih kerana sudi meluangkan masa untuk menjayakan mesyuarat pada kali ini-
- 1.2 Pengerusi menerangkan secara ringkas mengenai agenda-agenda yang akan dibentangkan dan dicadangkan.

2. PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

- 2.1 Pengerusi memaklumkan bahawa Kementerian Perpaduan Negara akan menganjurkan Majlis Pelancaran Sambutan Minggu Perpaduan Peringkat Kebangsaan Tahun 2023 pada 21 Mei 2023 (Ahad) , jam 9.30 pagi bertempat di Waterfront, Kuching.
- 2.2 Beliau juga memaklumkan bahawa Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional Negeri Sarawak telah menjemput semua KRT-KRT bahagian Kuching, Samarahan dan Serian bagi tujuan tersebut.
- 2.3 Pengerusi memaklumkan kepada semua AJKRT untuk menghantar 6 orang ahli KRT dari untuk turut serta dalam majlis tersebut.
- 2.4 Beliau memohon persetujuan AJKRT untuk memohon pengeluaran geran bagi menampung perbelanjaan seperti minyak kenderaan dan makanan peserta yang ikut serta ke majlis itu nanti.
- 2.5 Semua AJKRT bersetuju dengan permohonan geran tersebut dan permohonan pengeluaran geran akan dilakukan oleh Setiausaha KRT untuk kelulusan pihak Jabatan Perpaduan Bahagian Samarahan dan Serian.

Tindakan: Makluman

4. PENUTUP

- 4.1 Sekali lagi pengerusi mengucapkan berbilang terima kasih kepada semua ahli yang dapat hadir pada mesyuarat kali ini.

42 Mesyuarat ditangguhkan pada jam 9.00 malam

Disediakan oleh,

(STANLEY ANAK
VINCENT)
Setiausaha
KRT Kampung Jernang Baru
Samarahan
Tarikh .

Disahkan oleh,

(THIAN NAI POH)

MEMBUDAYAKAN PERPADUAN, MERAIKAN KEPELBAGAIAN
PERMOHONAN PERUNTUKAN GERAN RIJKUN TETANGGA

Pengerusi
Kawasan Rukun Tetangga
KRT Kampung Jernang
Baru, Samarahan
Tarikh .